

## PENGGUNAAN KIT SUKA DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGEJA PERKATAAN BERSUKU KATA KVKVK MURID BERMASALAH PENDENGARAN TAHUN PENGUKUHAN

*(The Effectiveness of Kit SUKA At Improving The Students Bahasa Malaysia Spelling Skills of KVKVK Words For Pre Year One Hearing Impaired Students)*

Huzaina Husin<sup>a</sup>, Besira Bibi Mohd Ali<sup>b</sup>

<sup>ab</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Malaysia  
E-mail : huzainahusin@gmail.com

**Abstrak:** Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK murid bermasalah pendengaran tahun pengukuhan dengan menggunakan Kit SUKA. Peserta kajian terdiri daripada empat orang murid bermasalah pendengaran tahun pengukuhan. Hasil tinjauan awal mendapati mereka sukar untuk menguasai kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK Bahasa Malaysia. Proses pemerolehan bahasa terganggu dan mengalami kesukaran disebabkan masalah kehilangan pendengaran yang dialami. Fokus kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK dengan menggunakan Kit SUKA. Pengkaji telah menggunakan instrumen ujian iaitu ujian Pra dan Pasca, analisis dokumen iaitu lembaran kerja serta temu bual bersama guru Bahasa Malaysia peserta kajian. Hasil analisis data mendapati peserta kajian mendapat markah yang cemerlang dalam ujian Pasca berbanding ujian Pra. Dua orang peserta mencapai tahap cemerlang iaitu 80 markah ke atas manakala dua orang lagi mencapai tahap sederhana. Walau bagaimanapun, dua orang peserta kajian ini menunjukkan peningkatan dalam kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK Bahasa Malaysia. Hasil analisis dokumen iaitu lembaran kerja juga menunjukkan kesemua peserta dapat berada pada tahap penguasaan yang baik hingga cemerlang. Hasil temu bual dengan guru Bahasa Malaysia turut menyokong penggunaan Kit SUKA dalam membantu meningkatkan kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK kepada peserta kajian setelah intervensi. Dalam kajian seterusnya, pengkaji bercadang untuk melakukan penambahbaikan dari aspek alat Kit SUKA dan mengintegrasikan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran mengeja perkataan bahasa Malaysia. Hal ini bagi memberi lebih banyak peluang kepada peserta kajian untuk meningkatkan kemahiran mengeja perkataan di samping mencapai keseronokan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**Kata kunci :** kemahiran mengeja, perkataan KVKVK Bahasa Malaysia, masalah pendengaran, Kit SUKA

**Abstract:** The purpose of this study is to improve the abilities of hearing impaired students in spelling Bahasa Malaysia KVKVK words using the Kit SUKA. The respondents consists of four deaf from pre year one students. It was discovered that they had difficulties in spelling KVKVK words due to their hearing loss problem. The focus of this study is to ensure that the respondents are able to spell Bahasa Malaysia KVKVK words using the Kit SUKA. The researcher utilized the instrument Pre and Post-tests, analysis of documents such as worksheet and interviews with teacher who teach the respondents. The results show that the respondents achieved higher marks in the Post-test compared to the Pre-test. Two respondents achieved excellent level with scores of 80 marks and above, while two others achieved the medium level. The results from the worksheet also show that all respondents have managed to obtain progress to good and excellent level in spelling Bahasa Malaysia KVKVK words. Interview results with the teacher also support the use of the Kit SUKA to help improve the spelling skills of KVKVK words. In the upcoming research, the researcher would like to improve the Kit SUKA and integrate the use of ICT in teaching and learning KVKVK words spelling in Bahasa Malaysia. This is to provide opportunities to many more students to learn spelling through fun learning activities.

Key words : spelling skills, Bahasa Malaysia KVKVK words, hearing impairment, Kit SUKA

### PENDAHULUAN


Pengkaji merupakan siswa pendidik tahun akhir Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Januari 2013 dalam pengkhususan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini dijalankan adalah berkenaan dengan meningkatkan kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK murid bermasalah pendengaran tahun pengukuhan dengan menggunakan Kit SUKA. Yalow Anak Maros (2009) menyatakan

bahawa bahasa merupakan satu lambang yang mempunyai peraturan-peraturan tertentu berhubung dengan bunyi, ejaan dan bentuk ayat. Siti Hajar Abdul Aziz (2009) menyatakan kemahiran mendengar dan bertutur mesti mendahului kemahiran membaca dan menulis. Namun bagi murid bermasalah pendengaran, mereka tidak dapat menguasai kemahiran membaca, mengeja dan menulis dengan baik kerana masalah kekangan pemerolehan bahasa. Penyataan ini disokong oleh Lokman Saim (2004), kanak-kanak yang

mengalami masalah pendengaran tidak dapat mendengar bunyi suara menyebabkan mereka tidak mengalami pemerolehan dan perkembangan bahasa normal seperti kanak-kanak biasa yang lain.

Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian mengenai kemahiran mengeja dalam kalangan murid bermasalah pendengaran adalah kerana ingin membantu mereka mengatasi masalah tersebut. Kemahiran mengeja sangat penting untuk dikuasi kerana ianya merupakan asas kepada kemahiran bahasa. Menurut Hasnah Awang dan Habibah Mohd Samin (2010), untuk mencapai kemahiran-kemahiran tersebut, aktiviti pramembaca boleh dilakukan dengan menggunakan permainan huruf, suku kata dan perkataan untuk mengukuhkan kemahiran tersebut.

Berdasarkan pendapat tersebut, pengkaji telah merancang untuk menghasilkan alat yang mengandungi kad gambar, kad perkataan dan kad suku kata yang dinamakan Kit SUKA. Pengkaji juga merancang untuk menerapkan penggunaan alat tersebut semasa aktiviti permainan bahasa dan sebagainya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan menggunakan Kit SUKA dan aktiviti permainan bahasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pengkaji berharap ianya dapat membantu peserta kajian untuk meningkatkan kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK.



Rajah 1 : Pelan Tindakan berasaskan Model Kurt Lewin (1946)

Kajian yang dijalankan ini melibatkan dua kali sesi dalam satu minggu. Setiap sesi ini mengambil masa 60 minit. Sebelum sesi pertama dilaksanakan, pengkaji telah menjalankan ujian Pra kepada peserta kajian. Setelah itu, pengkaji melaksanakan sesi yang pertama berdasarkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang telah dihasilkan. Di akhir sesi pertama, pengkaji memberikan lembaran kerja untuk tujuan analisis dokumen. Sesi kedua juga dijalankan seperti yang telah dirancang dalam RPH dan lembaran kerja dua turut diberikan di akhir sesi kedua. Akhir sekali, pengkaji memberikan ujian Pasca kepada peserta kajian dan diberikan peruntukan 60 minit untuk menjawab ujian tersebut.


Untuk menilai keberkesanan Kit SUKA dalam meningkatkan kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK, pengkaji menggunakan tiga instrumen untuk mengutip data iaitu ujian iaitu ujian Pra dan ujian

Pasca, analisis dokumen iaitu lembaran kerja serta temu bual bersama guru Bahasa Malaysia yang mengajar peserta kajian. Untuk menganalisis instrumen ujian, pengkaji telah menganalisis data secara kuantitatif iaitu dalam bentuk markah. Markah yang didapati dipindahkan dalam bentuk peratus dan dibandingkan dalam bentuk graf. Untuk menganalisis dokumen iaitu lembaran kerja, pengkaji menggunakan skor pemarkahan bagi menilai tahap penguasaan murid. Bagi temu bual pula, pengkaji telah melaksanakan temu bual berdasarkan beberapa tema untuk melihat tahap pencapaian peserta kajian.

Untuk kaedah menyemak data, pengkaji menggunakan triangulasi sumber dan triangulasi kaedah untuk menjadikan hasil dapatan kajian tersebut mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan kerana menurut Ghazali (2012), kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi mempertahankan kejutuan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan.

## DAPATAN KAJIAN

Dalam dapatan kajian, pengkaji telah menjawab kedua-dua persoalan kajian dengan menggunakan hasil dapatan kajian yang dikutip melalui instrumen yang telah dipilih. Bagi menjawab persoalan satu iaitu adakah murid dapat mengimlak perkataan bersuku kata KVKVK dengan menggunakan Kit SUKA, pengkaji menggunakan dua instrumen iaitu ujian Pra dan Pasca serta analisis dokumen iaitu lembaran kerja.



Rajah 2 : Graf Perbezaan Peratus Ujian Pra dan Ujian Pasca

## Rajah 2 : Graf Perbezaan Peratus Ujian Pra dan Ujian Pasca

Berdasarkan Rajah 2 pada laporan iaitu graf perbezaan peratus ujian Pra dan Pasca, peserta kajian mendapat keputusan yang sangat memberangsangkan pada ujian Pasca berbanding ujian Pra. Hal ini menunjukkan setelah pengkaji menjalankan intervensi dengan menggunakan Kit SUKA, pencapaian peserta kajian dalam kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK menunjukkan peningkatan yang sangat jelas.

Bagi mengukuhkan lagi keberkesanan Kit SUKA, pengkaji telah menggunakan instrumen analisis dokumen iaitu lembaran kerja. Berdasarkan keputusan markah lembaran kerja yang pertama dan kedua, pengkaji mendapati peserta kajian mendapat tahap pencapaian memuaskan hingga cemerlang setelah intervensi menggunakan Kit SUKA dilaksanakan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Kit SUKA sebagai

bahan bantu belajar yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah berjaya meningkatkan kemahiran mengeja dan mengimlak peserta kajian.

Persoalan kajian kedua pula iaitu adakah penggunaan Kit SUKA dapat menarik minat murid bermasalah pendengaran untuk mengeja perkataan bersuku kata KVKVK dengan betul telah dijawab menggunakan instrumen temu bual. Berdasarkan temu bual tersebut, pengkaji mendapati guru Bahasa Malaysia telah memberikan maklum balas yang positif terhadap kesemua peserta kajian. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan Kit SUKA, aktiviti lembaran kerja, serta penerapan aktiviti berbentuk permainan adalah berkesan kerana telah meningkatkan kefahaman dan tahap pencapaian peserta kajian.

## PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian mendapati penggunaan Kit SUKA dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kemahiran mengeja bagi murid bermasalah pendengaran tahun pengukuhan. Berdasarkan analisis dan interpretasi data dalam ujian Pra dan ujian Pasca dan lembaran kerja, kemahiran peserta kajian dalam mengimlak perkataan suku kata KVKVK dilihat semakin meningkat setelah intervensi menggunakan Kit SUKA dijalankan. Rajah 2 telah menunjukkan peningkatan peserta kajian dengan lebih jelas pada ujian Pasca berbanding ujian Pra. Selain ujian Pra dan Pasca, peningkatan juga dapat dilihat berdasarkan hasil dapatan analisis dokumen iaitu lembaran kerja yang diberikan. Penggunaan Kit SUKA semasa intervensi yang dijalankan telah meningkatkan dan memberikan perkembangan positif terhadap markah yang diperolehi oleh peserta kajian.

Penggunaan Kit SUKA yang terdiri daripada kad gambar, kad perkataan, kad suku kata dan kad huruf telah membantu peserta kajian yang lemah kerana huruf dan gambar pada kad ini dapat dilihat dengan jelas. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Mohd Wazir Saiti (2011) dan Syarifah Nursollehah Syed Mohamad Kher (2014) yang juga menggunakan konsep kad gambar dan perkataan dalam kajian mereka. Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan peserta kajian menunjukkan peningkatan tahap pencapaian yang memberangsangkan setelah mengaplikasikan konsep kad gambar dan kad perkataan dalam sesi intervensi di samping menggunakan kaedah permainan bahasa. Selain itu, pengkaji turut mengaitkan teori yang digunakan iaitu Teori Kognitif Jean Peaget. Pengkaji dapat mengaitkan bahawa penggunaan Teori Kognitif Jean Peaget ini adalah bersesuaian dan selari dengan proses sepanjang kajian ini dijalankan. Penggunaan teori ini juga dapat membantu meningkatkan kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK dalam kalangan murid bermasalah pendengaran seiring dengan penggunaan alat Kit SUKA.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

### Kesimpulan

Secara kesimpulan, pengkaji telah merumuskan segala aspek, metodologi dan hasil dapatan kajian dalam penghasilan artikel ini. Penggunaan Kit SUKA sememangnya dapat meningkatkan kemahiran mengeja perkataan bersuku kata KVKVK murid bermasalah pendengaran tahun pengukuhan. Pengkaji berharap agar penggunaan Kit SUKA ini dapat diperluaskan di samping mempelbagaikan penggunaan teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat murid untuk mencapai keseronokan.

### Cadangan

Pengkaji telah mengenalpasti beberapa cadangan tindakan susulan yang boleh dilaksanakan untuk kajian seterusnya. Antara cadangan penambahbaikan ialah dari aspek alat iaitu Kit SUKA. Pengkaji merancang untuk mempelbagaikan penggunaan alat dan bahan dalam menghasilkan Kit SUKA seperti kacang, beras, batuan halus dan sebagainya. Penggunaan bahan ini bertujuan untuk lebih merangsang deria sentuh bagi membentuk huruf pada kad. Hal ini juga dapat mengelakkan peserta kajian berasa bosan dengan menggunakan bahan yang sama.

Selain itu, pengkaji merancang untuk menerapkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran di samping penggunaan Kit SUKA. Hal ini adalah kerana menurut Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2009), teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru dalam menyampaikan isi kandungan pengajaran. Pengkaji juga menyedari bahawa walaupun peserta kajian mempunyai masalah pendengaran, mereka juga berhak untuk menggunakan TMK dalam pendidikan. Hal ini juga adalah bagi menyokong anjakan transformasi pendidikan ketujuh di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) yang menyatakan perlunya guru memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia dengan memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri untuk memperluas akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran murid.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusoff. (2004). Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid pekak (satu sorotan dari perspektif linguistik). *Jurnal Dewan Bahasa*, ms 639-680.
- Ghazali Darusalam. (2012). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif dan Kuantitatif. Diperoleh daripada <http://www.ipis.lam.edu.my/uploaded/file/ghazali.pdf>.

- Hasnah Awang & Habibah Mohd Samin. (2010). Literasi Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kemterian Pendidikan Malaysia
- Lokman Saim. (2004). Pengendalian kanak-kanak cacat pendengaran. Bangi: Unit Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohamad Wazir Bin Saiti. (2011). Meningkatkan kemahiran mengeja dalam kalangan murid bermasalah pendengaran tahun 3 K dalam mata pelajaran bahasa Melayu dengan menggunakan kad perkataan dan kad gambar. Tesis tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). Murid Dan Alam Belajar. Shah Alam : Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). Bahasa Melayu II. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Syarifah Nursollehah Binti Syed Mohamad Kher. (2014). Meningkatkan kemahiran mengeja perkataan kvkvk murid bermasalah pendengaran tahun 1 Wira menggunakan kad Flip Flop. Tesis tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Yalow Anak Maros. (2000). Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Melayu:kajian di sekolah rendah bermasalah pendengajaran di bandar Seremban. Tesis tidak diterbitkan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.